

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

11 JANUARI 2021



ISNIN

AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
KOSMO	WANITA PANDU LAWAN ARUS DI LEBUHRAYA SDE DITAHAN POLIS	2
SINAR HARIAN	HIDUPKAN SEMULA JAJARAN KERETA API PASIR GUDANG – KEMPAS	3
THE STAR	WOMAN HELD FOR DRIVING AGAINST TRAFFIC ON HIGHWAY	4
HARIAN METRO	WANITA DITAHAN MEMANDU SECARA SONGSANG ARUS	5
BERITA HARIAN	WANITA PANDU KERETA LAWAN ARUS DI LEBUH RAYA DITAHAN	6
UTUSAN MALAYSIA	WANITA PANDU LAWAN ARUS DI LEBUHRAYA SDE DITAHAN POLIS	7



KOSMO

Wanita pandu lawan arus di Lebuh Raya SDE ditahan polis

JOHOR BAHRU – Seorang wanita berusia 46 tahun bakal berdepan hukuman penjara maksimum lima tahun berserta denda sehingga RM15,000 selain hilang kelayakan memandu selama lima tahun hanya kerana memandu secara berbahaya dengan melawan arus.


Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, wanita itu dipercayai melakukan perbuatan tersebut di Lebuh Raya Senai Desaru (SDE) menghala ke arah Desaru berhampiran susur keluar Plaza Tol Cahaya Baru, Pasir Gudang.

Katanya, suspek ditahan pukul 6.30 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di Bahagian Siasatan dan Penguasaan Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah Seri Alam.

"Semalam, polis menerima satu rakaman video berdurasi 48 saat menunjukkan sebuah kereta dipandu secara berbahaya iaitu dengan melawan arus.

"Sehubungan itu, suspek ditahan bagi siasatan lanjut di bawah Seksyen 42 (1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Semalam, tular satu video rakaman berhubung kejadian



TANGKAP layar video yang memaparkan kereta dipandu seorang wanita melawan arus di Lebuh Raya SDE, Pasir Gudang, Khamis lalu.


berkenaan yang dipercayai berlaku pada 7 Januari lalu kira-kira pukul 4.30 petang.

Ayob Khan berkata, polis Johor akan memastikan siasatan dijalankan dengan telus dan tindakan pertuduhan di mahkamah dibuat atas kecualian suspek yang jelas mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya lain.

"Kami memandang se-

rius perbuatan ini dan tidak akan berkompromi serta akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang melanggar undang-undang," ujarnya.

Dalam masa sama, pihaknya turut merakamkan penghargaan kepada orang awam yang menyalurkan maklumat dalam membantu polis sehingga suspek berjaya ditahan.




SINAR HARIAN

ISNIN - 11/1/21

SINAR HARIAN - m.s.18 .

Hidupkan semula jajaran kereta api Pasir Gudang-Kempas



Noor Azleen (kiri) menunjukkan jalan yang berlubang semasa meninjau kerosakan di Lebuh Raya Pasir Gudang pada Sabtu.

PASIR GUDANG - Kerajaan Johor dicadangkan untuk menghidupkan semula jajaran kereta api di Pasir Gudang ke kawasan perindustrian di Kempas bagi tujuan penghantaran kargo.

Ahli Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG), Noor Azleen Ambros berkata, cadangan jangka masa panjang itu secara tidak langsung akan mengurangkan kenderaan berat di atas jalan utama di sini sekali gus mencegah kerosakan di Lebuh Raya Pasir Gudang.

"Bagi langkah jangka pendek pula, kerajaan negeri disarankan melihat semula lantikan kontraktor yang bertanggungjawab bagi membaik pulih jalan terbabit berdasarkan hasil mutu dan kualiti kerja mereka.

"Ini kerana ada jalan yang bartitampal dan diselenggarakan rosak semula dalam tempoh tidak sampai sebulan dibaik pulih.

"Ini satu kerugian kerana kita tetap perlu membayar mereka.

"Kerajaan juga perlu mengkaji penggunaan kenderaan berat di lebuh raya terbabit dengan mengehadkan jumlah kenderaan pada waktu puncak.

"Ini akan mengurangkan risiko kemalangan serta memberikan keselamatan kepada pengguna jalan raya lain," katanya.

Beliau yang juga Ketua Pemuda UMNO Bahagian Pasir Gudang berkata demikian selepas meninjau beberapa lokasi di lebuh raya itu pada Sabtu.

Katanya, cadangan tersebut akan dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerja Raya dan Pembangunan dan Jawatankuasa Tetap Lalu Lintas pada Rabu ini supaya tindakan segera dapat dilakukan.

Pada masa sama, beliau meminta syarikat terlibat yang menyelenggara jalan itu supaya menaik taraf


jalan utama di Pasir Gudang.

Noor Azleen berkata, isu jalan berlubang seperti tiada kesudahan dan pihak MBPG menerima lebih 200 aduan mengenainya tahun lalu.

Sehubungan itu katanya, kerajaan negeri disarankan mempertimbang pembinaan jalan raya berdasarkan konkrit dan simen agar lebih berdaya maju bagi pelan jangka panjang terutamanya di kawasan berisiko.

Jelas beliau, saranan itu perlu diperhalusi memandangkan Pasir Gudang merupakan kawasan industri yang menyaksikan penggunaan kenderaan berat amat tinggi saban hari.

"Pembinaan jalan tar yang menggunakan batu asphalt dan bitumen bagi kawasan perindustrian seperti ini dilahif tidak sesuai dan mudah rosak menyebabkan kerja penyelenggaraan menelan kos yang tinggi," katanya.



THE STAR

10 Nation

THE STAR, MONDAY 11 JANUARY 2021

Woman held for driving against traffic on highway

By YEE XIANG YUN
newsdesk@thestar.com.my

JOHOR BARU: Police have arrested a woman for driving against traffic along the Senai-Desaru Expressway near the Cahaya Baru toll plaza exit.

A video of the incident, which occurred on Thursday, showing a woman driving a car towards Desaru has gone viral on social media.

Johor police chief Comm Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay said the 46-year-old woman was detained after she turned up at the Seri Alam district police headquarters on Saturday.

He said Johor Traffic Investigation and Enforcement Department had earlier received the dashcam video lasting 0.48 seconds around noon which was recorded by the public.

"We managed to identify the

vehicle," he said in a statement.

The suspect is being investigated under Section 42(1) of the Road Transport Act 1987, which provides for imprisonment of up to five years and a fine of not less than RM5,000 and not more than RM15,000, and revocation of driving licence not exceeding five years, upon conviction.

He said police were taking the matter seriously and would take

stern action against anyone who deliberately violated traffic laws.

"The case will be brought to court for negligence as it could endanger other road users," he said and thanked the public for channelling information to help police track down the driver.


In an unrelated case in Kulai, a 44-year-old traditional Chinese medicine practitioner was arrested for allegedly molesting a woman

who sought treatment from him.

Kulai police chief Supt Tok Beng Yeow said the 22-year-old woman went to the practitioner's premises in Jalan Kenanga, Indahpura, on Friday to treat her back problems.

"She was in the treatment room when the man allegedly took advantage of the situation by touching and massaging her breasts.

"Police arrested the man at the premises on Saturday," he said.



HARIAN METRO

HARIAN METRO - ISNIN 11/01/21 MULAH

Wanita ditahan memandu secara songsang arus

Johor Bahru: Seorang wanita yang memandu secara berbahaya dengan menyongsang arus di Lebuhraya Senai-Desaru (arah Desaru) berhampiran susur keluar Tol Cahaya Baru, dekat sini, Kamis lalu, ditahan polis, kelmarin.

Penahanan itu dibuat selepas video memaparkan wanita itu memandu secara berbahaya tular di media sosial sejak kelmarin dan menerima kecaman warganet.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay (**gambar**) berkata, wanita berusia 46 tahun itu ditahan selepas hadir ke Bahagian Siasatan dan Penguatasan Trafik (BSPT) di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seri Alam, kelmarin bagi membantu siasatan.

"Jabatan Siasatan dan Penguatasan Trafik (JSPT) Johor menerima rakaman video berdurasi 48 saat (rakaman kamera papan pemuka) semalam yang dirakam orang awam jam 12 tengah hari selepas ia tular di media sosial.

"Bertindak atas maklumat, JSPT Johor mengenali pasti butiran kereta itu.

"Kejadian dipercayai berlaku pada 7 Januari atau Kamis lalu, jam 4.30 petang," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dalam video yang tular itu, pemandu yang merakam kejadian berkenaan menerusi



kamera papan pemuka terkut dengan kehadiran sebuah kereta dipandu laju secara menyongsang arus sebelum ke kiri lorong bagi mengelakkan rempuhan.

Mengulas lanjut, Ayob Khan berkata, suspek wanita ditahan bagi siasatan mengikut Seksyen 42(i) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

Katanya, ia memperuntukan hukuman penjara maksimum lima tahun dan denda maksimum RM15,000 serta hilang kelayakan lesen memandu selama lima tahun.

"Polis Johor memandang serius terhadap kesalahan sebegitu dan tidak akan berkompromi serta mengambil


tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang sengaja melanggar undang-undang.

"Polis mengucapkan terima kasih kepada orang awam yang menyalurkan maklumat bagi membantu pihak berkuasa," katanya.



9.625, N1.5268 2021-01-07 16:32

RAKAMAN video kereta dipandu menyongsang arus di Lebuhraya Senai-Desaru (arah Desaru) berhampiran susur keluar Tol Cahaya Baru.



BERITA HARIAN

Nasional

Wanita pandu kereta lawan arus di lebuh raya ditahan

Video tular di media sosial sejak kelmarin terima pelbagai kecaman netizen

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Polis menahan seorang wanita berikut memandu secara berbahaya dengan melawan arus di Lebuhraya Senai-Desaru (arah Desaru) berhampiran susur keluar Tol Cahaya Baru, Khamis lalu.

Video kereta yang dipandu melawan arus di laluan berkenaan tular di media sosial sejak Jumaat lalu, menerima kecaman ramai netizen.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata wanita berusia 46 tahun itu ditahan selepas hadir ke Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seri Alam, kelmarin.

Katanya, polis mengenal pasti butiran kereta itu selepas video kereta dipandu wanita berkenaan tular di media sosial, sebelum dia diminta hadir ke IPD Seri Alam untuk siasatan.

"Jabatan Siasatan dan Penguat-



Video tular seorang wanita memandu secara berbahaya melawan arus di Lebuhraya Senai-Desaru (arah Desaru) berhampiran susur keluar Tol Cahaya Baru, Khamis lalu.

kuaasan Trafik (JSPT) Johor menerima satu rakaman video berdurasi 48 saat (rakaman dashcam) semalam (kelmarin) yang dirakam orang awam, kira-kira jam 12 tengah hari, selepas ia tular di media sosial.

"Bertindak atas maklumat, JSPT Johor mengenal pasti butiran kereta berkenaan.

"Kejadian dipercayai berlaku pada 7 Januari atau Khamis lalu,

Polis kenal pasti butiran kereta itu selepas video kereta dipandu wanita berkenaan tular di media sosial, sebelum dia diminta hadir ke IPD Seri Alam untuk siasatan.

Ayob Khan
Mydin Pitchay,
Ketua Polis Johor


kira-kira jam 4.30 petang. "Suspek wanita itu hadir ke BSPT Seri Alam sebelum ditahan bagi siasatan lanjut," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dalam video yang tular itu, pemandu yang merakam kejadian berkenaan menerusi kamera dashcam sedang memandu laju di lorong kanan lebuh raya itu, sebelum dilihat terkejut dengan kehadiran sebuah kereta dipandu laju

secara melawan arus sebelum mengelak ke kiri lorong bagi mengelakkan rempuhan.

Ayob Khan berkata, suspek wanita itu ditahan bagi siasatan mengikut Seksyen 42(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

La memperturunkan hukuman penjarja maksimum lima tahun dan denda maksimum RM15,000 serta hilang kelayakan lesen memandu selama lima tahun.



UTUSAN MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA
ISNIN • 11 JANUARI 2021 | 13

Dalam Negeri

Wanita pandu lawan arus di Lebuhraya SDE ditahan polis

JOHOR BAHRU: Wanita berusia 46 tahun berdepan hukuman penjara tidak lebih lima tahun berserta denda antara RM5,000 hingga RM15,000 selain hilang kelayakan memandu selama lima tahun hanya kerana memandu secara berbahaya dengan melawan arus.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, wanita itu dipercayai melakukan perbuatan tersebut di Lebuhraya Senai Desaru (SDE) menghalau ke arah Desaru berhampiran susur keluar tol Cahaya Baru, Pasir Gudang.

Jelas beliau, suspek ditahan pada pukul 6.30 petang semalam ketika hadir memberi keterangan di Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seri Alam.

“Semalam, polis menerima satu rakaman video berdurasi 48 saat menunjukkan sebuah kereta dipandu secara berbahaya iaitu dengan melawan arus.

“Sehubungan itu, suspek ditahan bagi siasatan lanjut di bawah Seksyen 42 (1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987,” katanya dalam satu kenyataaan, di sini semalam.

Kelmanin, tular sebuah video rakaman berhubung kejadian berkenaan yang diperlakukan berlaku pada 7 Januari lalu kira-kira pukul 4.30 petang.

SEBUAH kereta dipandu wanita yang dirakam memandu secara melawan arus di Lebuhraya Senai Desaru (SDE), Johor Bahru, Johor.